

29/03/1997

Pendidik perlu sensitif pada pengembangan ilmu

Ramlan Abd Wahab

WALAUPUN teguran Dr Mahathir terhadap sikap sesetengah guru yang tidak memberi pendidikan menyeluruh kepada murid dan pelajar itu bersifat umum dan boleh didebat, apa yang penting ialah teguran itu mendedahkan kepincangan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ia juga menunjukkan adanya elemen negatif dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Warga pendidik perlu menerima teguran itu sebagai kepincangan yang perlu diperbaiki dan guru terbabit wajar dibimbing secara berterusan. Hal ini membuktikan relevannya gesaan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya usaha memberi bantuan secara sistematik dan pragmatik dirancang dan dilaksanakan dengan segera.

Usaha membantu yang dimaksudkan Najib, mengikut konsep Perasa, merujuk kepada program bimbingan dan kaunseling bersepadu, sistematik dan mengutamakan interaksi personal yang komunikatif dan simbolik berteraskan prinsip 'bina diri bimbing rakan'. Keutamaan kepada agenda mewujudkan interaksi komunikatif sebagai teras pengemblengan usaha membantu yang dilaksanakan adalah suatu ciri penting yang mungkin membezakan program bantuan Perasa ini dengan program bimbingan dan kaunseling yang ditawarkan oleh pertubuhan atau syarikat perundangan swasta.

Dengan mewujudkan interaksi yang komunikatif, segala usaha membantu yang dilaksanakan lebih menjurus kepada memperkukuh kesetiakawanan dalam konteks berkongsi masalah atau cabaran yang dihadapi dengan hasrat mencari penyelesaian bersama. Usaha membantu yang dilaksanakan lebih bersifat bilateral dan mungkin multilateral - tidak sekadar bersifat hubungan di antara perunding dengan pelanggan - dan rumusan atau penyelesaian yang dicapai akan cuba dikongsi mengikut prinsip saling bantu-membantu dengan jalinan cita-cita dan matlamat bersama.

Mewujudkan interaksi yang komunikatif juga bermakna mewujudkan jalinan kemesraan di kalangan kakitangan di semua peringkat hirarki pentadbiran dan kepemimpinan organisasi. Seperti kata Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Datuk Dr Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin dalam kata alu-aluannya sempena konvensyen yang sama: "Dalam mengharungi arus perkembangan yang serba maju dan moden ini, komunikasi akan terus menjadi elemen penting bagi sesebuah organisasi. Komunikasi yang berkesan dapat mempengaruhi kakitangan sesebuah organisasi membina tingkah-laku positif, minat dan bekerjasama ke arah mencapai matlamat organisasi. Tanpa interaksi berkesan, segala perancangan akan kaku dan seterusnya akan gagal. Justeru itu, sesuatu organisasi perlu memberi perhatian terhadap kualiti hubungan antara anggotanya demi mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis, saling bantu-membantu, memahami sesama rakan, bermotivasi tinggi dan sentiasa berusaha membina imej sendiri yang tinggi."

Kata-kata itu secara tersirat membawa kesan jika premis kebersamaan menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah yang dihasilkan melalui budaya berkomunikasi yang telus, konstruktif dan berhemah, menjadi teras, sekali gus menjadi landasan pelaksanaan usaha membantu yang digembleng oleh Perasa, besar kemungkinan, usaha itu akan mencapai matlamatnya.

Berlandaskan prinsip 'bina diri bimbing rakan', ini teras program Perasa ialah melahirkan individu pemimpin dan pembimbing yang menghayati ciri kemanusiaan positif serta berkemahiran sebagai pembantu yang profesional dan pemangkin ke arah penyelesaian masalah.

Pemimpin Perasa perlu terlebih dulu memperkaya diri dengan kemahiran asas sebagai kaunselor di samping melayakkan dirinya sebagai individu yang

boleh menyesuaikan dirinya dengan orang lain serta berminat dalam kerja kebajikan. Pemimpin Perasa perlu menjadi profesional berfikiran rasional, terbuka dan reseptif kepada pendapat dan idea baru, serta mempunyai sifat dan kemahiran empati tinggi. Mereka perlu sedia menjadi peneroka ilmu yang gigih.

Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr Ibrahim Ahmad Bajunid, menegaskan: "Dalam perjalanan hidup dan kerjaya, seseorang itu akan terus merempuh pelbagai pengalaman. Daripada pengalaman itu seseorang boleh mendapat pengetahuan, celik akal dan iktibar mengenai Tuhan, alam semesta, manusia lain dan dirinya. Keupayaan seseorang itu memahami diri sendiri pada tahap tertinggi ada kaitan dengan tahap penggunaan akal untuk memahami segala apa yang diterima oleh derianya. Penggunaan akal sepenuhnya akan membolehkan dia memahami dirinya, mengenal Tuhannya dan menjadi segala apa yang dia ingin jadi. Semua ini tidak mungkin berlangsung secara rawak dan sendiri."

Seorang pemimpin Perasa tidak boleh memisahkan dirinya daripada khazanah ilmu atau terpinggir daripada perkembangan ilmu. Pemimpin Perasa harus berkemahiran menunaikan tanggungjawab sosialnya sebagai 'rakan profesional yang prihatin' dan 'sumber rujukan'.

Antara pelbagai ilmu yang perlu diperolehi dan dimantapkan secara berterusan termasuklah ilmu berkaitan kemahiran mengenal pasti punca masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran menghadapi masalah, kemahiran memberi penghargaan atau pengiktirafan, kemahiran membina interaksi komunikatif yang telus dan beradab, kemahiran mediasi, dan kemahiran membina pasukan kerja dinamik, proaktif dan progresif.

Pada masa yang sama, pemimpin Perasa juga perlu memberi tumpuan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan untuk mendapatkan panduan bertindak yang konkrit berdasarkan realiti. Mengikut saranan Dr Ibrahim Ahmad Bajunid: "Kita perlu memberi tumpuan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan dalam fenomena seperti berikut: dinamik pembangunan spiritual, harga diri dan hormat diri, berdialog dengan diri, mengenal pasti minda sendiri dan minda orang lain dalam budaya, membina pemikiran positif dan konstruktif, mengenal corak pemikiran, memahami bentuk pemikiran kritikal dan kreatif dalam budaya setempat, mengenal kaedah motivasi dan perubahan sikap dan menguasai strategi dan kaedah memungkinkan perkembangan segala dimensi potensi manusia sepenuhnya.

Selain itu, perlu difahami seperti universalisme-partikularisme, emosi, sikap terhadap masa dan alam sekitar. Di samping aspek perbezaan budaya, aspek-aspek yang berkaitan dengan asas kriteria juga perlu dikaji, seperti jarak kuasa, individualisme-kolektivisme, 'masculinity-feminity', dan sebagainya.

Dalam memahami budaya organisasi pribumi dalam era perubahan, kita perlu juga memahami konteks sosial berteraskan keluarga.

Kejayaan melahirkan pemimpin Perasa yang mempunyai ciri yang dinyatakan di atas sudah pasti akan menjadi lonjakan penting mencetuskan reformasi positif dalam perkhidmatan keguruan. Sehingga kini dilaporkan IAB berjaya melatih 1,500 orang pemimpin Perasa di seluruh negara. Jika setiap pemimpin yang dilatih mengembangkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi, di samping berfungsi sebagai 'role model' dalam organisasi masing-masing, adalah diyakini peningkatan mutu perkhidmatan pendidikan akan berterusan.

Bagaimanapun, pelbagai pihak yang terbabit khususnya pemimpin Perasa perlu menyedari arus peningkatan mutu perkhidmatan tidak akan terjadi secara spontan. Dalam ucap utamanya di Konvokesyen Pemimpin Pembimbing Rakan Sekerja Peringkat Kebangsaan di Kangar, Perlis itu, Datuk Dr Abdul Shukur Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Teknikal, mengingatkan, sebarang usaha reformatif sering kali akan menghadapi

pelbagai rintangan.

Rintangan awal bermula dari dalam diri individu itu sendiri, seperti takut perkara baru, kurang pengetahuan dan kemahiran, faktor pengalaman silam yang tradisional, ancaman terhadap kebolehan dan kepakaran, ancaman asas kuasa, bimbang perubahan tidak mendatangkan keuntungan, takut gagal dan ikatan budaya yang kuat. Oleh itu setiap reformasi perlu dirancang, dikelola, dilaksanakan, didokumentasi dan dinilai secara berterusan supaya dapat diterima, dan menjadi program berpanjangan.

Selain rintangan yang disebutkan oleh Dr Abdul Shukor itu, ada juga pihak yang meragui kesinambungan program Perasa, terutama selepas pelopor menamatkan perkhidmatan masing-masing.

(END)